

<b>Headline</b>	<b>15,000 lampu LED ditambah di jalan kampung seluruh negara</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>04 Nov 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>82,252</b>	<b>Readership</b>	<b>246,756</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Page No</b>	<b>4</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>165 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 8,377</b>		



## 15,000 lampu LED ditambah di jalan kampung seluruh negara

**Muar:** Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) akan menambah 15,000 lagi lampu jalan jenis diod pemancah cahaya (LED) di kawasan jalan kampung di seluruh negara.

La adalah tambahan kepada inisiatif 10,000 lampu jalan LED yang dilaksanakan MESTECC dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebelum ini.

Menterinya, Yeo Bee Yin, berkata usaha yang dilaksanakan menerusi 'incentive-based-regulation' atau IBR itu akan memberi manfaat kepada penduduk khususnya di kawasan luar bandar.

"Sebelum ini kita sudah ber-setuju untuk membekalkan 10,000 lampu jalan LED di jalan-jalan kampung tetapi pada minggu lalu, saya sudah menghantar satu surat kepada Menteri KPLB, Datuk Seri Rina Harun yang kita akan bekalkan lagi 15,000 lampu berkenaan di jalan kampung di seluruh negara."

"Menerusi kerjasama MESTECC dan KPLB, kita harap dapat menerangkan lagi jalan dan kawasan kampung di seluruh negara kelak," katanya ketika dijumpai pemberita selepas menghadiri Forum Penerangan Belanjaan 2020 di sini, semalam.

Yang turut hadir; Timbalan Menteri Pertahanan yang juga Pengerusi DAP Johor, Liew Chin Tong dan Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Tony Pua Kiam Wee.

Bee Yin yang juga Ahli Parlimen Bakri berkata, bagi tujuan itu KPLB akan membantu mendekati kawasan kampung yang bakal menerima kemudahan lampu berkenaan kelak.

"Lampu jalan LED ini juga akan dipasang di jalan kampung dengan menggunakan tiang milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan mungkin KPLB akan tentukan kawasan tertentu yang akan menerima kemudahan yang sama."

"Kita berharap menerusi inisiatif kerajaan ini ia bukan sahaja mampu menerangi jalan kampung kerana pencahayaannya yang lebih terang tetapi juga memberi penjimatan sehingga 30 peratus khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab membayar bil elektrik, selain ia mampu mewujudkan suasana lebih selamat," katanya.

Sementara itu ditanya mengenai usaha MESTECC dalam menangani isu alam sekitar, beliau berkata, kementeriannya kini sedang membuat perancangan rapi terutama dalam usaha memperkuat jentera penguatkuasaan di seluruh negara.